



**PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN ROMPIN**  
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN  
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)  
Faks : 03-2698 9218  
Email : [pacparlimen@parlimen.gov.my](mailto:pacparlimen@parlimen.gov.my)  
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

2 Ogos 2017

**Kenyataan Media YB Dato' Sri Hasan bin Arifin, Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen Berhubung Pembentangan Laporan PAC Parlimen berhubung Pengurusan Projek Pembinaan Hospital Shah Alam, Selangor.**

- 1) PAC Parlimen hari ini, membentangkan Laporan PAC berhubung Pengurusan Projek Pembinaan Hospital Shah Alam, Selangor di bawah Kementerian Kesihatan di Dewan Rakyat.
- 2) Isu ini, dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2013 Siri 3 yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 10 November 2014.
- 3) Berikutan itu, PAC Parlimen memulakan prosiding untuk isu Pengurusan Projek Pembinaan Hospital Shah Alam, Selangor pada 1 April 2015 dengan memanggil Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan, Datuk Farida Mohd Ali serta Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Infra) Jabatan Kerja Raya, Datuk Ir Adanan Mohamed Hussain bagi memberikan penjelasan di hadapan Jawatankuasa ini, terhadap segala isu yang dibangkitkan.
- 4) Dalam prosiding berkenaan, PAC Parlimen membangkitkan isu-isu seperti berikut:
  - i) Pelantikan kontraktor dan Prestasi Projek Pembinaan;
  - ii) Pengurusan Peralatan Perubatan;
  - iii) Peningkatan kos projek; dan
  - iv) Pemantauan projek.
- 5) Berdasarkan kenyataan daripada saksi-saksi yang dipanggil memberikan keterangan di hadapan PAC Parlimen, Jawatankuasa ini sebulat suara merumuskan bahawa:
  - i) Kegagalan menyiapkan projek pembinaan HSA adalah disebabkan kontraktor asal yang tidak berpengalaman dalam pembinaan hospital;
  - ii) PAC Parlimen juga bersetuju dengan penambahbaikan yang ambil JKR bagi mengatasi kelemahan dalam projek pembinaan HSA untuk memantau pelaksanaan oleh GESB sebagai kontraktor penyiap;
  - iii) Pengurusan projek pembinaan HSA perlu dilaksanakan dengan lebih teliti secara teratur dan cekap serta dapat dimanfaatkan sejajar dengan objektif pembinaan dan seterusnya mendapat *best value for money* bagi setiap Ringgit yang dibelanjakan Kerajaan; dan
  - iv) Kerjasama yang baik antara pihak KKM, JKR dan kontraktor adalah perlu bagi memastikan kelancaran projek.

- 6) Berdasarkan rumusan berkenaan, PAC Parlimen mengesyorkan kepada Kerajaan perkara-perkara seperti berikut untuk tujuan penambahbaikan akan datang:
- i) Pelantikan kontraktor secara tender terhad adalah lebih berkesan untuk projek yang kompleks seperti hospital berbanding secara rundingan terus;
  - ii) Kontraktor yang hendak dilantik haruslah mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam pembinaan hospital; dan
  - iii) Kerajaan perlu memastikan supaya wang terlebih bayar sejumlah RM68.53 juta seperti yang dinyatakan oleh JAN dalam LKAN Tahun 2013 Siri 3 itu dituntut semula daripada SFSB bagi mengelakkan kerugian wang rakyat.
- 7) Orang ramai yang berminat untuk membaca dan meneliti Laporan PAC Parlimen berhubung Pengurusan Projek Pembinaan Hospital Shah Alam, Selangor, boleh memuat turun (*download*) laporan berkenaan di laman web PAC di alamat [www.parlimen.gov.my/pac](http://www.parlimen.gov.my/pac).

Yang Berhormat Dato' Sri Hasan Arifin  
Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara  
Parlimen Malaysia